

7 FEB 1996

S46 SAMBUT BAIK CADANGAN PENDEK MASA TAHANAN ISA

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Parti Melayu Semangat 46 hari ini menyambut baik cadangan memendekkan tempoh tahanan yang dikenakan terhadap mereka yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Timbalan Presiden Parti Datuk Rais Yatim bagaimanapun berkata masalah yang berbangkit bukan saja meliputi tempoh tahanan dua tahun maksimum perlu dijalani oleh orang yang disyaki tetapi juga meniadakan hak rayuannya kepada mahkamah.

"Sudah sampai masanya kuasa spontan tanpa bicara seperti yang terdapat pada ISA itu dikurangkan sedikit demi sedikit agar hak mendapatkan perbicaraan oleh seorang tahanan itu tidak terjejas sama sekali," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya S46 tidak menolak kemungkinan pentingnya ISA daripada segi mengawal dan mengawas keselamatan dalam negeri melalui kuasa-kuasa tanpa bicara yang ada di bawah seksyen 8 dan 73 ISA itu bagi kes-kes tertentu tetapi dalam masa yang sama mahkamah perlu diberi kuasa untuk menimbang sesuatu rayuan berhubung dengan kehilangan hak perbicaraan seseorang.

Rais berkata kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa ISA masih diperlukan untuk menangani rusuhan dan mogok tidak dapat diterima secara melulu memandangkan terdapatnya kuasa-kuasa darurat (jangka pendek atau panjang) pada Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan dan 13 akta lain.

Sehubungan itu, S46 mendesak ISA dikaji semula secara menyeluruh oleh kerajaan dengan kerjasama pelbagai pihak untuk mewujudkan "common law" Malaysia yang sebenar.--BERNAMA